

**K**EDUDUKAN Duli Yang Maha Mulia (DYMM), Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor bukanlah semata-mata seorang pemerintah tertinggi bahkan Ketua Agama Islam di negeri Selangor.

Kedudukan itu menunjukkan tiada pemisahan antara urusan agama dalam hal ehwal politik Kerajaan Negeri Selangor.

Kesatuan agama dalam politik dan undang-undang ialah satu sistem yang diwarisi daripada Kesultanan Melayu silam sebelum kemerdekaan.

Amalan demikian bertepatan dengan takrifan Islam sebagai ad-Din dan sehingga kini, diterjemahkan dalam aktiviti-aktiviti serta titah ucapan baginda.

Atas sifat sebagai Ketua Agama Islam Negeri Selangor, selain menitikberatkan tadbir urus yang baik dalam pemerintahan awam negeri, Sultan Selangor amat prihatin pada setiap program yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Sepanjang tahun 2018, Sultan Sharafuddin memulakan pelbagai aktiviti sama ada bersifat ilmiah, ibadah khususnya dan penyemakan dasar pentadbiran hal ehwal orang Islam seperti muzakarah, menghadiri solat berjemaah dan mempengerusikan Mesyuarat Khas MAIS. Baginda dan DYMM Tengku Permaisuri juga berangkat mencemar duli untuk meraikan rakyat jelata pada program kebajikan melibatkan asnaf.

Keprihatinan Sultan Selangor dalam hal ehwal agama Islam dan tadbir urus yang baik dalam negeri terserlah melalui titah ucapan baginda. Baginda bukan sahaja menyampaikan buah fikiran kepada pimpinan negeri dan rakyat jelata, malah teguran-teguran sebagai seorang pemerintah tertinggi dalam urusan duniawi dan ukhrawi.

#### Peka

Sultan Sharafuddin dilihat amat peka terhadap masalah umat Islam kontemporari terutamanya isu-isu semasa berupa gugatan kepada kesucian amalan ajaran Islam berteraskan fahaman ahlu Sunnah wal Jamaah, perpaduan orang Melayu dan umat Islam dalam menghadapi cabaran semasa yang mencabar prinsip Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor dan Perlembagaan Persekutuan termasuklah fahaman liberal tidak bertuhan.

Segala teguran dan aktiviti seperti dihuraikan di atas bertepatan dengan kewajipan baginda untuk memerintah negeri atas 'pengamanahan' daripada ALLAH SWT, sesuai dengan kedudukan baginda sebagai Ketua Agama Islam Negeri Selangor.

'Pengamanahan' pemerintahan kepada seorang raja atau penguasa disingkatkan oleh firman ALLAH SWT: "Wahai Daud! Sesungguhnya kami menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu daripada jalan ALLAH. Sesungguhnya orang yang sesat daripada jalan ALLAH, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal disebabkan mereka melupakan (jalan ALLAH) itu." (Surah Sad: 26)

Dalam penguatkuasaan prinsip Islam, baginda begitu menitikberatkan

# Amalan Kesultanan Islam di Selangor



SULTAN Selangor berkenan berangkat ke Majlis Berbuka Puasa Ihya' Ramadan di Masjid Taman Padu Permai, Sabak Bernam tahun lalu.



*Baginda bukan sahaja menyampaikan buah fikiran kepada pimpinan negeri dan rakyat jelata, malah teguran-teguran sebagai seorang pemerintah tertinggi dalam urusan duniawi dan ukhrawi."*

pendekatan secara wasatiyyah bil hikmah (amalan kesederhanaan berkebijaksanaan).

Boleh dikatakan dalam setiap titah baginda, aspek-aspek yang diberi penekanan ialah keadilan dalam pelaksanaan polisi kerajaan, semangat muafakat, pembuat dasar, pelaksana fungsi eksekutif malah dalam kalangan masyarakat dan keharmonian hidup bermasyarakat. Penegasan terhadap semua aspek itu sesungguhnya pancaran prinsip kedaulatan baginda yang berpaksi kepada keadilan dan syura seperti disyariatkan oleh ALLAH.

Dalam amalan baginda, terserlah dasar kepimpinan yang mencerminkan sekurang-kurangnya tiga perkara utama.

Pertama, sebagai pemegang amanah kedaulatan milik ALLAH SWT dan penerus tugas Rasulullah SAW untuk memimpin umat manusia ke jalan yang diredai-Nya.

Kedua, kewajipan menguatkuasakan hukum syarak berlandaskan prinsip keadilan dan ketiga, menguatkuasakan larangan kepada perkembangan pemikiran dan aktiviti-aktiviti yang merosakkan akidah dan kesejahteraan rakyat jelata selaras dengan konsep amar makruf dan nahi mungkar.

Selaras dengan penekanan Sultan

Sharafuddin kepada aspek keadilan dan muafakat dalam amalan pentadbiran dan hidup bermasyarakat, makalah ini ingin berkongsi secara ringkas prasyarat untuk mencapai keadilan dan amalan syura menurut perspektif ajaran Islam seperti berikut:

**1 Amanah:** Suatu amanah hendaklah diserahkan kepada ahlinya, pemilihan sama ada melalui proses pilihan raya atau lantikan hendaklah menentukan mereka yang benar-benar layak, mempunyai pengetahuan, mampu melaksanakan amanah dengan baik dan ikhlas untuk menjawat amanah dalam berjawatan.



**2 Akauntabiliti:** Prinsip kebertanggungjawaban di atas sesuatu tindakan, keputusan dan dasar termasuk kewajipan untuk melapor, menjelaskan dan boleh dipersoalkan dalam setiap keputusan.



**3 Pematuhan Prinsip Amar Makruf dan Nahi Mungkar:** Seorang pemerintah mahupun ketua perlu menggubal dasar untuk melahirkan rakyat atau pekerja yang baik dan mewujudkan suasana sentosa dalam wilayah tanggungjawab masing-masing. Dasar dan pelan tindakan hendaklah mempunyai objektif jelas, galakan kepada kebajikan dan pencegahan terhadap kemudaratan. Implikasi setiap keputusan perlu diperhalusi agar natijahnya sentiasa patuh syariah.



#### Amalan syura

Syura merupakan satu amalan yang ditekankan oleh Islam dalam apa jua proses penggubalan undang-undang dan pembuatan sebarang polisi atau keputusan dasar.

Melalui amalan itu, ketelusan berlaku kerana segala maklumat dikongsi secara bersama dengan semua ahli sebelum sesuatu undang-undang, dasar dan keputusan dicapai.

Ahli-ahli majlis syura mempunyai kedudukan yang sama tinggi. Masing-masing boleh menyumbang buah fikiran dan apabila berlaku proses undian, setiap seorang memiliki satu undi.

Ahli juga bebas untuk kemukakan pandangan mengikut kefahaman, ilmu dan buah fikiran masing-masing.

Ahli yang menganggotai majlis syura pastinya mewakili beberapa golongan masyarakat atau profesion, itu pastinya menyediakan platform yang betul untuk menyampaikan pandangan mahupun kritikan.

Dari sudut yang disoroti di atas, amat jelas bahawa pemerintahan Sultan Selangor mencerminkan ciri-ciri khalifah Islam yang meletakkan syariat Islam sebagai panduan hidup sesuai dengan Islam sebagai al-Din.

**4 Teliti:** Seorang pemerintah hendaklah mengamalkan sikap berhati-hati, cermat, bijaksana dan berwawasan.



**5 Muhasabah:** Semua keputusan dan pelaksanaan perlu sentiasa disemak agar mematuhi prinsip tadbir urus yang baik.

